



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

HYDROGEN: HOW DO WE ACHIEVE A HOME RUN FOR HUMANITY'S FUTURE ENERGY?

KUALA TERENGGANU, 23 JUN 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meneruskan penganjuran MOSTI Tech Talks siri ke-4 dengan topik, **'Hydrogen: How Do We Achieve a Home Run for Humanity's Future Energy?'** bertempat di Auditorium Mahyuddin, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Dalam ucapannya, YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata "Ekonomi hidrogen bukan sekadar agenda tenaga bersih, ia adalah peluang bagi negara untuk membina masa depan yang lebih lestari, berdaya saing dan inklusif. Menerusi Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen, Malaysia menasaskan penghasilan 16 juta tan hidrogen menjelang 2050, menyumbang sehingga RM905 bilion kepada KDNK serta mewujudkan lebih 200,000 pekerjaan hijau. Kejayaan ini dapat dicapai bergantung kepada pelaburan dalam bakat dan inovasi tempatan. MOSTI komited untuk memperkasa generasi muda melalui kerjasama dengan industri dan institusi pendidikan, pembiayaan penyelidikan bersasar serta latihan teknikal".

Program diteruskan dengan Perkongsian oleh YB Menteri sebagai panel utama dengan topik 'Hydrogen: How Do We Achieve a Home Run for Humanity's Future Energy?' Seterusnya melalui panel kedua, Prof. Adj. Ir. Haji Mohamad Faudzi bin Mohamad Yasir, Pengurus Besar Kanan, Solutions Domain Expert in the Division of Project, Technology and Health, Safety, Security & Environment (PTHSSE) di PETRONAS yang bertanggungjawab menyediakan penyelesaian teknologi strategik yang menyokong agenda Peralihan Tenaga PETRONAS telah berkongsikan mengenai teknologi hidrogen, ekonomi berasaskan hidrogen dan masa depan hidrogen.

Segmen terakhir adalah sesi soal jawab yang berlangsung dengan pelbagai soalan menarik daripada para peserta. Sesi yang dikendalikan oleh Ir. Tengku Kahar Muzaffar, Naib Presiden, Pejabat Strategi dan Projek Khas, NanoMalaysia Berhad.

Selaras dengan prinsip MADANI sebagai panduan dan fokus MOSTI yang berteraskan kepada konsep P.R.E.C.I.S.E - People Centric, R&D, Enculturate, Capacity Building, Investment dan Start-ups Ecosystem - yang diperkenalkan oleh YB Menteri sejak tahun 2023, setiap program yang dilaksanakan hendaklah memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Pendekatan ini memastikan sains, teknologi dan inovasi (STI) dapat dirasai dan dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian. Bagi menyokong aspirasi ini, **MOSTI Tech Talks 2025** telah diperkenalkan dengan YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, sebagai panel utama.

Program siri keempat Tech Talks pada hari ini turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi MOSTI dan pengurusan UMT. Sambutan yang amat menggalakkan, dengan kehadiran lebih 250 peserta, termasuk kakitangan UMT dan pelajar-pelajar universiti. MOSTI Tech Talks menjadi platform penting untuk menyebarkan pengetahuan STI serta menggalakkan interaksi langsung antara kepimpinan kementerian dan masyarakat akademik.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
23 JUN 2025

